



Dari Meja

Januari

Hari ini bermulalah episod baru dalam hidup kita. Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita masih dipanjangkan usia dan diberikan kudrat serta kesihatan yang baik untuk meneruskan perjuangan kita pada tahun 2011 ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan "Selamat Tahun Baru 2011" kepada seluruh warga UniMAP. Apa yang ingin saya sampaikan pada kali ini adalah untuk menyuntik dan menyemarakkan iltizam seluruh warga UniMAP untuk terus berkhidmat dengan penuh dedikasi dalam memenuhi tanggungjawab dan peranan sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang memberikan perkhidmatan pendidikan kepada anak bangsa negara kita Malaysia yang tercinta.

Kedatangan tahun baru seharusnya mengingatkan kita bahawa usia kita semakin singkat, dan kesihatan kita semakin tercalar, tenaga kita semakin kurang namun biarlah nafsu bekerja semakin melonjak. Kita semakin hampir untuk dipanggil kembali mengadap Tuhan Rabbul Jalil untuk menerima anugerah daripadaNya atas hasil perlaku kita di atas muka bumi ini. Keadaan inilah yang sepatutnya mengingatkan kita supaya meningkatkan komitmen kerja agar segala kekurangan dan kecacatan yang dilakukan pada tahun 2010 dapat diperbaiki dan seterusnya mempertingkatkan usaha dan tenaga bagi meningkatkan kualiti kehidupan dan juga pekerjaan. Sebagai sebuah IPTA yang berorientasikan perkhidmatan pendidikan kepada masyarakat, kita sedar bahawa ukuran kecekapan dan kecemerlangan adalah terletak kepada sejauh mana mutu perkhidmatan kita diterima dan diakui oleh pemegang taruh kita. Pengalaman kita pada masa yang lepas menunjukkan bahawa masih terdapat ruang yang boleh diperbaiki bagi meningkatkan lagi mutu dan kualiti yang kita berikan. Jurang perbezaan di antara persepsi dan espektasi masyarakat dengan realiti sumbangan yang telah kita berikan perlulah dirapatkan melalui pendekatan dan strategi yang lebih berkesan.

Y.A.Bhg. Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi pernah menggariskan lima prinsip utama kepada kakitangan Awam yang boleh dijadikan panduan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesan dalam menjalankan tugas secara menyeluruh, iaitu Perkhidmatan Awam tidak boleh bertolak ansur langsung dengan prestasi yang rendah baik di kalangan pegawai kanan atau bawahan; perlu sentiasa bekerja gigih, bijak dan pantas melaksanakan semua strategi serta dasar kerajaan khususnya yang bermatlamat bagi menjana dan merangsang ekonomi; mengutamakan ketertiban dan kebersihan persekitaran bagi menjamin negara bebas daripada masalah pencemaran, kesesakan lalu lintas dan tempat makan yang kotor, yang sama pentingnya dalam isu penyediaan perkhidmatan seperti aspek lain; fokus kepada pelanggan dan menjadikan orang ramai sebagai sasaran perkhidmatan, dan mestilah mempunyai etika kerja yang baik, iaitu etika yang sudah tertanam dalam tradisi pertanggungjawaban bagi kebaikan orang awam.

Oleh yang demikian marilah sama-sama kita menggembungkan tenaga memasuki era 2011 dengan penuh iltizam bagi mempertingkatkan usaha-usaha murni untuk mewarnai dunia pendidikan dengan warna-warna keindahan yang akhirnya mampu mewujudkan suasana yang ceria lagi kondusif dalam persekitaran pekerjaan kita. Marilah sama-sama kita mantapkan hubungan silaturahim sesama kita agar tidak wujud budaya

hipokrit dalam hubungan interpersonal dan segala-segalanya bertolak daripada proses pembersihan hati dan jiwa serta perasaan. Proses pembersihan rohani (purification of the soul) perlu di teruskan sehingga kita di panggil mengadap Allah S.W.T dengan kalimah yang suci " Wahai jiwa-jawa yang tenang, kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang redha dan diredhai. Maka masuklah kamu dalam golongan hamba-hambaKu dan masuklah kamu ke dalam syurgaKu" (Surah Al-Fajr Ayat 27-30).

Pepatah Melayu ada menyebut, "Hidup kayu berbuah, Hidup manusia berjasa" Sehubungan itulah perkataan pilihan DMNC kali ini ialah 'Jasa'. Jasa membawa maksud bakti, kebaikan, amalan, kebajikan, khidmat, guna, hasil, faedah, nilai, sumbangan dan berani. Jasa sering dikaitkan dengan perkerjaan baik yang kita sumbangkan terhadap nusa dan bangsa. "Terjunlah ke dalam laut, berjuanglah melawan gelombang, kerana imbalan perjuangan ini ialah keabdian, Hidup Biar Berjasa, Berjasa Kepada Masyarakat". Inilah yang menyentuh hati saya, betapa lama hidup ini biarlah berjasa. Dalam kehidupan sehari-hari kita, terapkanlah sikap berjasa. Bekerja, mentadbir, mendidik anak bangsa, mengutip sampah, menasihati kawan dan memberikan senyuman, itulah jasa kepada setiap insan di sekeliling kita. Kalau tak berjasa, mahukah kita digelar sampah masyarakat dan di mana arah tujuan kehidupan kita? Kita berjasa tidak kira umur, bangsa, pekerjaan ataupun negara. Sebagai contoh, tugas mendidik anak bangsa dikira berjasa kerana merupakan pelaburan terpenting membentuk generasi berkepimpinan bestari bagi negara pada masa hadapan.

Pepatah Melayu ada menyebut bahawa harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama. Dengan itu, kehidupan kita di dunia ini biarlah disulami dengan jasa bakti kepada orang lain supaya kehidupan kita sentiasa diberkati dan diredhai Allah S.W.T.

Februari

Bulan kedua dalam kalendar 2011 telah menjelmakan diri dan ini bererti, 30 hari pertama tahun ini telah kita lalui. Sejauhmanakah langkah dan perjalanan tugas kita untuk tempoh sepurnama yang pertama ini? Adakah mencukupi atau kita masih terus berada di 'zon selesa' yang sama tanpa melakukan apa-apa?

UniMAP kini bukan lagi berada pada zon 'menstabilkan kedudukan', sebaliknya kita kini giat megorak langkah untuk memasuki zon 'meningkatkan kualiti dan pencapaian' agar setanding dengan universiti terbilang di dalam dan luar Negara. Perkara ini jugalah yang menjadi asas kepada penggubalan Pelan Strategik dan Hala Tuju UniMAP 2011-2015 yang telah dilancarkan secara rasminya pada bulan lepas. Masihkah anda ingat atau ianya sudah berlalu di bawah angin lalu? Masa depan UniMAP bergantung sepenuhnya kepada anda. Kualiti UniMAP sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam juga terletak sepenuhnya di tangan anda. Ia bermula dengan empat perkara teras iaitu:

- Harga Diri
- Keupayaan Diri
- Integriti
- Kompetensi

Naib Canselor

Keempat-empat faktor ini jugalah yang akan menentukan jatuhan bangunnya UniMAP. Ianya jugalah yang akan menjadikan UniMAP ini berjaya atau binasa. Maka atas sebab itulah, pada bulan ini saya memilih perkataan **FASAD** yang membawa pengertian kerosakan, kebinasaan dan keburukan. Sebagai Naib Canselor UniMAP saya tidak ingin melihat universiti yang saya sayangi ini memasuki fasa **FASAD**. Sebaliknya saya inginkan agar ia terus memacu kegemilangan sehingga ke tahap yang paling tinggi. Namun, saya tidak mampu untuk melaksanakannya bersendirian, dan atas sebab itulah saya amat mengharapkan kerjasama dan sokongan jitu dari seluruh warga UniMAP. Ayuhlah kita melaksanakan tanggungjawab dan tugas kita dengan sebaiknya agar UniMAP kekal cemerlang, gemilang dan terbilang dan bukannya menjadi universiti yang **FASAD**.

Setiap daripada kita mempunyai potensi diri masing-masing. Justeru gunakanlah dan manfaatkan ia sebaiknya untuk mencorakkan universiti yang kita sayangi ini. Manusia yang berjaya adalah orang yang memanfaatkan pancaindera dan tubuh jasadnya bagi mencapai kecemerlangan. Sebagai contoh, otak digunakan bagi menghalusi ilmu, telinga untuk mendengar kebaikan, mata untuk melihat keagungan Ilahi dan begitulah seterusnya dengan anggota badan yang lain.

Kegemilangan dan Kejayaan UniMAP terletak di tangan kita bersama. Ayuhlah kita mencorakkannya bersama-sama. Akhir kata renungilah ayat ini untuk panduan kita bersama :

"Ambillah waktu untuk berfikir, itu adalah sumber kekuatan, Ambillah waktu untuk bermain, itu adalah rahsia dari masa muda yang abadi, Ambillah waktu untuk berdoa, itu adalah sumber ketenangan, Ambillah waktu untuk belajar, itu adalah sumber kebijaksanaan, Ambillah waktu untuk mencintai dan dicintai, itu adalah hak istimewa yang diberikan Allah, Ambillah waktu untuk bersahabat, itu adalah jalan menuju kebahagiaan, Ambillah waktu untuk tertawa, itu adalah muzik yang menggetarkan hati, Ambillah waktu untuk memberi, itu dapat membuat hidup terasa bererti, Ambillah waktu untuk bekerja, itu adalah nilai keberhasilan, Ambillah waktu untuk beramal, itu adalah kunci menuju ke Syurga."

Mac

Merunung sejenak perkembangan dunia, perkembangan UniMAP serta diselaraskan dengan perkembangan minda serta jiwa kita, mungkin kita dapat merungkai kata-kata oleh Hamka "Jiwa kita sentiasa dipenuhi dengan pelbagai keinginan, anggangan, cita-cita, matlamat dan segalanya boleh berubah kepada iguan jika ia dipenuhi dengan muslihat, helah dan tiada kejujuran".

Oleh yang demikian, biarlah kita menjadi seorang yang ikhlas menjalankan tugas kita tanpa mengharapkan keikhlasan orang lain semata-mata. Jujur dan adil dalam kata-kata tanpa menilai kejujuran orang lain setiap masa. Berfikiran terbuka dan bertolak ansur sentiasa tanpa menonjolkan kejumudan minda kita. Sepertimana UniMAP menjadi bualan dan perhatian, segala tindak-tanduk ahlinya juga menjadi perhatian dan sebagai manusia biasa kita tidak semestinya betul sepanjang masa kerana ada kalanya kita perlu terima pendapat serta kritikan dari pelbagai pihak tanpa melihatnya sebagai satu ancaman.

Sehubungan dengan itulah perkataan DMNC pada edisi kali ini ialah "Manfaat". Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka manfaat membawa maksud sesuatu yang mendatangkan kebaikan, kegunaan atau faedah. "Sebaik-baik manusia adalah manusia yang memberi manfaat kepada manusia lain". Namun

begitu dalam kehidupan kita sehari-hari adakah kita benar-benar mempraktikkan perkara ini dalam setiap pekerjaan yang kita lakukan? Tepuk dada tanyalah minda...

Saya ingin menghubungkaitkan perkara ini dengan sikap berkasih sayang sesama manusia. Hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari bermaksud:

"Barang siapa tidak berkasih sayang sesama manusia, ia tidak dikasihai Allah."

Dalam hadis ini jelas menunjukkan bahawa sikap suka menolong dan bersifat kasih sesama rakan sekerja adalah juga dianggap satu ibadah dengan syarat dilakukan dengan niat yang ikhlas. Sikap yang positif, sentiasa berusaha untuk memberikan manfaat kepada orang lain dan kebolehan menyesuaikan diri memainkan peranan penting di dalam membina kehidupan yang positif. Sekiranya kita mempunyai sikap yang positif maka kita akan lebih redha dengan kehidupan, mempunyai hubungan interpersonal yang baik, lebih produktif, gembira dengan pekerjaan, lebih suka menolong orang lain dan seterusnya berjaya mencapai matlamat hidup.

Islam hanya memerintah atau menganjurkan pekerjaan yang baik dan bermanfaat bagi umat manusia agar setiap pekerjaan mampu memberi nilai tambah dan mengangkat darjah manusia baik secara individu maupun berkelompok. "Dan masing-masing orang memperoleh darjah-darjah (seimbang) dengan apa yang dikerjakannya." (Surah Al-An'am ayat 132).

Sebarang pekerjaan yang standard adalah pekerjaan yang bermanfaat bagi individu dan masyarakat sama ada secara material dan juga moral-spiritual. Kerja keras dan mengoptimalkan pekerjaan dalam bekerja pada konteks manfaatnya, iaitu untuk kebaikan manusia sendiri agar nilai guna dari hasil kerjanya semakin bertambah. Teruslah bangkit... terus dan teruskan lagi... InsyaAllah kita akan menjadi pekerja yang cemerlang walau dalam apa jua halangan dan cubaan yang mendatang.

